

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

Ambil serius luahan petugas kesihatan - CUEPACS

PETALING JAYA: Kerajaan digesa mengambil serius luahan petugas kesihatan dan melakukan siasatan menyeluruh mengenai isu kekurangan kakitangan yang sedang berlaku di hospital-hospital kerajaan ketika ini.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS), Datuk Adnan Mat berkata, kejadian tular memaparkan gambar papan putih di sebuah fasiliti kesihatan yang memohon maaf dan memaklumkan mengenai kekurangan doktor bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang ringan.

Katanya, perkara ini membabitkan isu kebijakan petugas itu sendiri serta kemampuan fasiliti kesihatan negara dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

“Kita pernah menghadapi situasi di mana penularan Covid-19 sebelum ini hampir melumpuhkan sepenuhnya fasiliti kesihatan negara.

“Pengalaman tersebut sewajarnya menjadi pengajaran kepada kerajaan untuk memperkuatkannya lagi mobilitas sumber tenaga petugas kesihatan di pelbagai peringkat bagi mengelakkan fasiliti kesihatan terpaksa beroperasi tanpa petugas mencukupi sehingga ada yang dikerah bertugas lebih masa demi menampung kekurangan tersebut.

“CUEPACS tidak mahu isu kebijakan petugas kesihatan ini diabaikan dalam memastikan perkhidmatan kesihatan berjalan seperti biasa. Mereka ini tetap manusia yang memerlukan rehat mencukupi, melakukan aktiviti sosial yang sihat dan mempunyai keluarga yang perlu diberi perhatian juga,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI

Cubaan sabotaj perkhidmatan di Hospital Serdang?

Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Hartal Doktor Kontrak khuatir isu yang berlaku di Pusat Jantung Hospital Sultan Idris Shah, Serdang berkenaan mungkin cubaan mensabotaj perkhidmatan sehingga menguntungkan sesetengah pihak.

Jurucakap Hartal berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) terutamanya Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Ketua Pengarah, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan perlu tampil menjelaskan isu berkenaan.

Dia yang enggan dikenali berkata, isu itu menjasarkan imej baik Kementerian Kesihatan dan masalah teknikal tidak dapat diselesaikan menunjukkan kelemahan pihak pengurusan tertinggi kementerian.

Ujarnya, ia juga menyebabkan nyawa dan kesihatan rakyat Malaysia terjejas sehingga ada pesakit yang meninggal sebelum sempat menjalani pembedahan.

"Isu Pusat Jantung ini sangat serius dan mungkin ada cubaan untuk mensabotaj servis hingga menguntungkan sesetengah pihak."

"Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara harus segera menyiasat perkara ini supaya se-

Kira-kira 1,000 pembedahan jantung dikatakan tergantung

Dewan bedah Hospital Serdang gagal berfungsi?

PETALING JAYA: Enam daripada bedah di bangunan baharu Pusat Jantung Hospital Sultan Idris Shah, Serdang diminta dilaksanakan semula kerana hasil operasi tidak memuaskan, manakala hasil operasi yang dilaksanakan pada hari sebelumnya tidak mempunyai maklumat yang lengkap.

Sumber yang sudi mengatakan he-

lara pada jantung ini besar dengan bui khasi, leba dan baki yang tidak wajar. Selain itu, hasil operasi yang dilaksanakan pada hari sebelumnya tidak memuaskan, manakala hasil operasi yang dilaksanakan pada hari sebelumnya tidak mempunyai maklumat yang lengkap.

Berdasarkan di media 2

UTUSAN Malaysia
17 Mei 2024

barang penyelewengan atau salah urus dapat dibaki.

"Kini kami dalam proses mengumpulkan aduan untuk disalurkan ke SPRM dan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) supaya masalah ini dapat diselesaikan segera," katanya.

Kelmanin, *Utusan Malaysia* melaporkan, empat dewan bedah di bangunan baharu Pusat Jantung di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang didakwa gagal berfungsi kerana masalah teknikal.

Sumber yang rapat dengan pusat jantung berkenaan mendakwa, kira-kira 1,000 prosedur pembedahan jantung tidak dapat dijalankan susulan masalah tersebut.

Lebih menyedihkan, semua bilik bedah di bangunan lama turut tidak dapat digunakan akibat

masalah sama.

Mengulas lanjut, jurucakap itu berkata, dewan bedah dan lain-lain fasiliti kesihatan berkaitan harus diperbaiki segera supaya pembedahan dapat dijalankan serta merta.

Katanya, KKM tidak sepertutnya mengambil mudah penyelenggaraan dewan bedah hingga timbul masalah seperti itu.

"Masalah kekurangan petugas kesihatan kita sudah sedia maklum tidak dapat diselesaikan dalam waktu singkat, tetapi masalah teknikal dan penyelenggaraan pasti dapat diselesaikan segera."

"Kita sudah ada pelbagai polisi, panduan dan Kertas Putih Kesihatan namun semua itu sia-sia jika masalah seperti ini tidak diselesaikan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

JKN tangani isu doktor kurang di hospital Kedah

ALOR SETAR — Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah komited menangani isu kekurangan doktor di klinik-klinik pakar bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sedia ada tidak terjejas.

Timbalan Pengarah Kesihatan negeri (Kesihatan Awam), Dr. Norizan Ahmad berkata, JKN

mengambil maklum isu tular di media sosial berkaitan satu notis yang dipaparkan di klinik pakar pembedahan di sebuah hospital di negeri itu, baru-baru ini.

"Pembahagian sumber manusia di peringkat Kementerian Kesihatan (KKM) dalam kategori pakar dan pegawai perubatan

di seluruh hospital adalah selari dengan beban tugas semasa.

Namun, katanya, penempatan pegawai perubatan di sesebuah hospital ditentukan oleh pengarah hospital mengikut justifikasi dan keperluan semasa.

"Perkhidmatan klinik-klinik pakar di hospital berpakar ada-

lah melalui sistem janji temu secara berperingkat dan berjadual bagi mengelakkan masa menunggu yang panjang," ujarnya.

Kosmo! kelmarin melaporkan, tular satu notis mendakwa sebuah hospital mengalami isu kekurangan doktor dengan pesakit terpaksa menunggu sehingga lima jam untuk rawatan.

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan untuk menempatkan segera kembali doktor pelatih ke hospital daerah yang memerlukan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

87.2 peratus alami insomnia, kerap bangun malam

Rakyat Malaysia sukar tidur nyenyak

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA – Hampir sembilan daripada 10 orang meliputi 87.2 peratus rakyat Malaysia mengalami masalah tidur termasuk insomnia, kerap bangun atau sukar untuk tidur.

Data tersebut diperoleh menerusi tinjauan di seluruh negara melibatkan 212 responden oleh syarikat Sonno, pada Januari lalu.

Menurut dapatan berkenaan, kesukaran untuk tidur dikenal pasti sebagai masalah yang biasa, melibatkan 39.9 peratus responden, manakala masalah lain dipengaruhi oleh faktor kerap bangun (37.9 peratus) dan berdengkur (28.9 peratus).

"Sebahagian besar daripada responden iaitu 45.5 peratus melaporkan mereka dapat tidur antara tujuh hingga sembilan jam sehari, selari dengan cadangan tidur global.

"Bagaimanapun, 52.1 peratus berjuang dengan tempoh tidur yang lebih pendek empat hingga enam jam, menonjolkan kecenderungan yang membimbangkan ke arah kekurangan tidur.

"Selain itu, masalah tidur mempengaruhi sama rata antara wanita (86.4 peratus) dan lelaki (87.7 peratus)," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, individu ber-



INDIVIDU berusia lingkungan umur 25 hingga 44 tahun mendapat kualiti tidur lebih rendah. – GAMBAR HIASAN

usia lingkungan umur 25 hingga 44 tahun mendapat kualiti tidur lebih rendah pada waktu malam berbanding mereka yang berusia antara 45 hingga 64 tahun.

Sementara itu, majoriti 76.3 peratus responden bersetuju bahawa tidur yang mencukupi dan berkualiti menyumbang kepada kualiti hidup, produktiviti dan kesihatan mental yang lebih baik.

"Sejumlah besar iaitu 84.6 peratus responden menyatakan menggunakan telefon sebelum tidur setiap malam atau kebanyakannya malam.

"Pada masa yang sama, majoriti 61 peratus responden mengakui bahawa penggunaan skrin sebelum tidur telah mempengaruhi kualiti tidur," jelasnya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

CUEPACS gesa siasat isu kekurangan doktor

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menggesa satu siasatan menyeluruh terhadap isu kekurangan doktor dan petugas kesihatan yang sedang berlaku di beberapa hospital kerajaan ketika ini.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata, kejadian tular yang memaparkan permohonan maaf di sebuah fasiliti kesihatan bagi maklumkan mengenai kekurangan doktor jelas satu perkara yang serius dan bukan suatu perkara yang boleh dipandang ringan.

Katanya, CUEPACS berpendapat perkara itu mengenai isu kebijakan petugas kesihatan serta kemampuan fasiliti kesihatan ne-

gara dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Kita pernah menghadapi situasi yang mana penularan COVID-19 sebelum ini hampir melumpuhkan sepenuhnya fasiliti kesihatan negara. Pengalaman itu sewajarnya menjadi pengajaran kepada kerajaan memperkuatkannya lagi mobilisasi sumber tenaga petugas kesihatan di pelbagai peringkat.

"Ini bagi mengelakkan fasiliti kesihatan terpaksa beroperasi tanpa petugas mencukupi sehingga ada yang dikerah bertugas lebih masa demi menampung kekurangan itu.

"CUEPACS tidak mahu isu kebijakan petugas kesihatan ini di-

abaikan dalam memastikan perkhidmatan kesihatan berjalan seperti biasa. Mereka ini tetap manusia yang memerlukan rehat mencukupi, melakukan aktiviti sosial yang sihat dan mempunyai keluarga yang perlu diberi perhatian juga," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sejak kelmarin, tular di laman sosial mengenai keluhan kakitangan perubatan sebuah hospital dipercayai di Kedah, yang memohon maaf kepada pesakit kerana perl menunggu lama berikutan kekurangan kakitangan.

Susulan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menyatakan beliau sedang

mengambil langkah penambahbaikan bagi meringankan beban kerja petugas hospital.

Beliau juga sudah mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan untuk bertindak dengan menempatkan doktor pelatih ke hospital di daerah memerlukan.

Hantaran berkenaan mendapat pelbagai reaksi daripada netizen dan rata-rata bersimpati dengan kakitangan perubatan.

Mengulas lanjut, Adnan berkata semua ketua jabatan memainkan peranan yang penting termasuk menyelesaikan aduan kakitangan dengan sebaik mungkin dalam perkara mengatasi kekurangan petugas kesihatan.